

# **PERANAN SIYĀSAH SHAR'IYYAH DALAM MEMELIHARA KESEJAHTERAAN WANITA: SATU SOROTAN**

Oleh:

Nurul Akma bt. Mohamed @ Sheikh Mohd Amin<sup>1</sup>  
Shukeri b. Mohamad<sup>2</sup>

## **Abstrak**

*Artikel ini bertujuan untuk menjelaskan peranan Siyāsaḥ Shar'iyyah dalam memelihara kesejahteraan wanita secara khusus. Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kajian perpustakaan. Ia menyoroti dan menganalisis pandangan-pandangan yang berkaitan di dalam rujukan klasik dan moden bagi memperlihatkan bagaimana pelaksanaan Siyāsaḥ Shar'iyyah secara menyeluruh di dalam sistem pemerintahan dapat memelihara kesejahteraan wanita secara berkesan dan bersepadu. Kajian ini mendapati bahawa Siyāsaḥ Shar'iyyah memainkan peranan utama untuk memandu wanita melaksanakan syariat, melindungi wanita daripada mungkar dan kerosakan, memelihara kebijakan wanita, meninggikan martabat wanita dan seterusnya membentuk wanita yang amanah dan bertanggungjawab. Kesemua peranan ini adalah penting dalam memelihara kesejahteraan wanita dan memberi kesan langsung terhadap kesejahteraan keluarga, masyarakat dan negara.*

**Kata kunci:** *Siyāsaḥ Shar'iyyah, Wanita, Kesejahteraan.*

## **PENDAHULUAN**

Perbahasan mengenai wanita telah menjadi sebahagian daripada isu Siyāsaḥ Shar'iyyah sejak zaman pemerintahan Islam di bawah pimpinan Rasulullah S.A.W dan para Khulafā' al-Rāshidīn. Ia telah menegaskan aspek pembelaan dan penjagaan kaum wanita serta menggariskan asas-

---

<sup>1</sup> Nurul Akma bt. Mohamed@ Sheikh Mohd Amin, Pensyarah Jabatan Syariah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

<sup>2</sup> Shukeri b. Mohamad (Ph.D), Profesor Madya di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

asas yang berkaitan dengan penglibatan wanita di dalam masyarakat, termasuk dalam aktiviti sosio-politik. Asas-asas tersebut telah dikembangkan dengan baik oleh pemerintahan Islam selepas itu dengan bantuan para ulama dan sarjana Islam dalam pandangan dan penulisan mereka.

Namun setelah Siyāsah Shar‘iyyah tidak lagi diimplementasikan secara menyeluruh di dalam sistem pentadbiran dan pemerintahan negara umat Islam, pembelaan Islam secara realiti terhadap kaum wanita semakin diragui dan dipandang sinis. Dengan mengetengahkan berita-berita mengenai penganiayaan terhadap wanita yang berlaku di negara-negara umat Islam, Islam ditohmah sebagai agama yang menindas kaum wanita meskipun penindasan tersebut tidak berkait dengan ajaran Islam yang sebenar.

Oleh itu, peranan Siyāsah Shar‘iyyah dalam memelihara kesejahteraan wanita amat wajar ditonjolkan agar masyarakat dapat memahami hakikat sebenar yang terkandung dalam sistem politik Islam yang membawa kesejahteraan kepada semua pihak, khususnya terhadap golongan wanita.

Artikel ini akan membincangkan bagaimana Islam telah menjadikan kerajaan sebagai payung yang melindungi kepentingan dan maruah kaum wanita dalam skala yang besar. Seterusnya memberi kesan langsung kepada kesejahteraan mereka dan keluarga sebagai unit-unit asas yang membentuk masyarakat dan negara.

## **DEFINISI SIYĀSAH SHAR‘IYYAH**

Siyāsah Shar‘iyyah berasal daripada dua perkataan bahasa Arab iaitu *al-Siyāsah* dan *al-Shar‘iyyah*. Kedua-dua perkataan tersebut akan dijelaskan secara ringkas untuk memahami konsep Siyāsah Syar‘iyyah yang sedang dibincangkan.

Dari sudut bahasa, berasaskan kepada perkataan *al-siyāsah* yang telah digunakan oleh masyarakat Arab, perkataan siyāsah juga telah digunakan oleh masyarakat Melayu dengan maksud politik<sup>3</sup>, kebijaksanaan untuk mencapai sesuatu maksud, dan pengetahuan yang

---

<sup>3</sup> Mustafa Hj. Daud (1994), *Pengantar Politik Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 6.

bersangkutan dengan hal-hal kenegaraan.<sup>4</sup> *Siyāsah* menurut bahasa Arab pula bermaksud menegakkan sesuatu yang mendatangkan kemaslahatan atau kebaikan.<sup>5</sup> Justeru itu siyāsah kepada rakyat bermaksud melaksanakan dan mentadbir hal ehwal rakyat dengan perkara yang memberikan kemaslahatan atau kebaikan kepada mereka. Manakala *shar‘iyyah* pula bermaksud bersandar kepada hukum syarak.<sup>6</sup> Apabila digabungkan dua perkataan tersebut, istilah Siyāsah Shar‘iyyah membawa maksud politik yang menepati syarak, iaitu politik Islam atau fiqh siyāsah.

Dari sudut istilah pula, terdapat satu definisi yang sering menjadi rujukan utama kepada para ulama kontemporari iaitu definisi yang telah dikemukakan oleh Ibn ‘Aqīl yang menyebut bahawa:

*Siyāsah Shar‘iyyah ialah apa sahaja tindakan yang dapat membawa orang ramai lebih hampir kepada kemaslahatan (menurut neraca syariat Islam) dan terhindar jauh daripada kebinasaan meskipun tindakan tersebut tidak dinyatakan oleh Rasulullah S.A.W dan tidak pernah diturunkan melalui wahyu.*<sup>7</sup>

Ramai ulama masa kini yang telah bersetuju dengan pentakrifan di atas. Sebagai contoh, al-Shaykh ‘Abd al-Wahhāb Khallāf telah mendefinisikan Siyāsah Shar‘iyyah sebagai:

*Mentadbir urusan awam bagi negara Islam dengan apa yang dapat menjamin kemaslahatan dan mengelakkan kemudaratannya dengan cara yang tidak melampaui batasan syarak dan prinsipnya yang umum meskipun langkah yang diambil itu tidak bertepatan dengan pandangan para imam mujtahid.*<sup>8</sup>

Manakala ‘Abd al-Rahmān Tāj pula mentakrifkan Siyāsah Shar‘iyyah sebagai:

*Peraturan yang digunakan oleh kerajaan bagi menyusun atur urusan rakyat dengan mengambil kira keselarasannya dengan roh syariat Islam, ketepatannya*

<sup>4</sup> Kamus Dewan (2007), ed. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1486.

<sup>5</sup> Ibn Manzūr (1994), *Lisān al-‘Arab*, j.6, Bayrūt: Dār al-Fikr, h.108.

<sup>6</sup> Kamus Besar Arab-Melayu Dewan (2006), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.1252.

<sup>7</sup> Shamsuddīn Abū ‘Abd Allah Muḥammad b. Abī Bakr b. Qayyim al-Jawzīyyah (2002), *al-Turuq al-Hukmiyyah fī al-Siyāsah al-Shar‘iyyah*, al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, h. 17.

<sup>8</sup> Abd al-Wahhāb Khallāf (2010), *al-Siyāsah al-Shar‘iyyah fī Shu‘ūn al-Dustūriyyah wa al-Khārijīyyah*, Kuwayt: Dār al-Qalam, h. 20.

*dengan prinsip umum agama, tercapainya matlamat sosial walaupun ia tidak ada dalil yang terperinci daripada nas sama ada di dalam al-Quran maupun al-Sunnah.<sup>9</sup>*

Manakala Mohamad Hashim Kamali pula mendefinisikan Siyāsah Shar‘iyyah sebagai:

*...a broad doctrine of Islamic law which authorizes the ruler to determine the manner in which the Shari‘ah should be administered. The ruler may accordingly take discretionary measures, enact rules and initiate policies as he deems are in interest of good government, provided that no substantive principle of the Shariah is violated thereby.<sup>10</sup>*

Dr Yūsuf al-Qaraḍāwī dalam bukunya *al-Siyāsah al-Shar‘iyyah fī Daw’ Nuṣūṣ al-Shari‘ah wa Maqāṣidiha* pula mengutarakan pandangannya yang tersendiri terhadap istilah Siyāsah Shar‘iyyah ini. Beliau menekankan bahawa Siyāsah Shar‘iyyah ialah siyāsah yang tertegak di atas kaedah syarak, hukum hakam dan arahannya, mestilah merujuk kepada syarak dari sudut sumber, matlamat dan manhajnya.<sup>11</sup>

Berdasarkan kepada pelbagai definisi yang dikemukakan, para sarjana merumuskan bahawa aplikasi Siyāsah Shar‘iyyah boleh diklasifikasikan kepada dua aspek yang utama iaitu sebagai kaedah pentadbiran negara dan sebagai kaedah penentuan hukum di bawah bidangkuasa kerajaan Islam. Adapun fokus perbincangan di dalam kajian ini adalah berhubung dengan Siyāsah Shar‘iyyah sebagai kaedah pentadbiran negara.

## **PERANAN SIYĀSAH SHAR‘IYYAH DALAM MEMELIHARA KESEJAHTERAAN WANITA**

Menurut al-Shaykh ‘Abd al-Rahmān Tāj, pelaksanaan Siyāsah Shar‘iyyah sebagai sistem pentadbiran negara berperanan untuk menjelmakan pelaksanaan syariat Islam secara menyeluruh di dalam kehidupan


<sup>9</sup> ‘Abd al-Rahmān Tāj (2014), *al-Siyāsah al-Shar‘iyyah wa al-Fiqh al-Islāmī*, al-Qāhirah: Dār al-Salām, h. 45.

<sup>10</sup> Mohamad Hashim Kamali (1989), “Siyāsah Shar‘iyyah Or The Policies Of Islamic Government”, *The American Journal of Islamic Social Sciences*, Vol. 6, No. 1, September 1989, h. 59-80.

<sup>11</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī (1998), *al-Siyāsah al-Shar‘iyyah fī Daw’ Nuṣūṣ al-Shari‘ah wa Maqāṣidiḥā*, al-Qāhirah: Maktabah Wahbah, h.27.

bermasyarakat. Ia juga mampu memenuhi tuntutan zaman dan menjamin kemaslahatan umum, sesuai dengan perubahan masa dan keadaan.<sup>12</sup>

Justeru itu, pelaksanaan Siyāsah Shar‘iyyah secara menyeluruh oleh pihak pemerintah dengan berpegang kepada prinsipnya yang jelas demi mencapai objektifnya yang luhur akan menerbitkan kesan-kesan positif kepada seluruh masyarakat tanpa mengira agama, bangsa maupun keturunan, lelaki maupun wanita, selari dengan tujuan pengutusan Nabi Muhammad S.A.W sebagai rahmat kepada seluruh alam. Allah S.W.T berfirman:



(Al-Anbiyā’ 21: 107)

*Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.*

Jika ditelusuri sejarah awal Islam, bermula dengan tahap *Makkiyyah* yang menekankan aspek akidah, ibadah, akhlak, akauntabiliti manusia di hadapan Allah tidak kira lelaki maupun wanita, hukum pemilikan harta, perkahwinan, nafkah dan seterusnya, kesemuanya sudah memberi gambaran yang jelas tentang kedudukan wanita yang terpelihara dan dipandang tinggi oleh syariat Islam.

Namun pada tahap tersebut, hukum hakam yang digariskan oleh syariat tidak dapat ditegakkan dengan sempurna. Malah jika hukum hakam tersebut dilanggar atau diabaikan, tindakan yangtegas tidak dapat diambil untuk menghalangnya.

Justeru itu, Rasulullah S.A.W diperintahkan oleh Allah S.W.T untuk mencari tapak bagi membina sebuah negara yang dapat melaksanakan hukum syariat secara bebas dan berdaulat, meninggalkan tanah air baginda untuk tujuan tersebut dan mewajibkan para sahabat r.h. turut berhijrah ke Kota Madinah. Maka bermulalah tahap *Madaniyyah* yang merupakan fasa penegakan negara Islam. Pada fasa inilah Rasulullah S.A.W telah meletakkan asas-asas bagi sistem kenegaraan yang ada hubungannya dengan undang-undang perlembagaan untuk menjadi pedoman kepada ummat dalam berpolitik dan bernegara sehingga ke akhir zaman.<sup>13</sup>

<sup>12</sup> Abd al-Rahmān Tāj (2014), op.cit, h. 70.

<sup>13</sup> Hal ini telah disepakati oleh ramai ulama yang terkenal, contohnya seperti al-Shaykh Muḥammad al-Khiḍr Ḥusayn, al-Shaykh Muḥammad Bakht al-Muṭī‘ī dan al-Shaykh Muḥammad Tāhir b. ‘Āshūr. Lihat: Mohamad S. El-Awa (1980), *On The*

Sejak dari itu juga kedudukan wanita semakin mendapat pembelaan bukan sahaja melalui hukum hakam yang difahami daripada al-Quran dan Sunnah, tetapi diberi jaminan dan naungan pelaksanaan secara serius dan kolektif melalui kuasa politik dan pemerintahan dalam skala yang besar.

Sehubungan itu, melalui penelitian yang dijalankan dapat dirumuskan bahawa peranan Siyāsah Shar‘iyyah dalam memelihara kesejahteraan wanita dapat dilihat dalam lima aspek utama sebagaimana berikut:

### **1. Memandu wanita melaksanakan syariat**

Siyāsah Shar‘iyyah berperanan penting dalam memandu wanita untuk melaksanakan syariat. Malah inilah di antara matlamat utama politik Islam<sup>14</sup>, iaitu membentuk sebuah negara yang terlaksana di dalamnya hukum-hukum dan syariat Islam secara berdaulat. Imam al-Māwardī menekankan bahawa menjadi tanggungjawab pemerintah dalam Islam untuk menegakkan agama dan menguruskan dunia dengan agama.<sup>15</sup> Ia bukan sahaja tertumpu kepada memperkenalkan enakmen dan peraturan kekeluargaan yang selaras dengan kehendak Islam, tetapi lebih luas daripada itu, mesti dikaitkan dengan hukum-hukum Islam dalam semua aspek seperti ekonomi, politik, sosial dan tatacara umum masyarakat.

---

*Political System Of The Islamic State*, Indiana: American Trust Publication, h. 66. Lihat juga: Muhammad Diya’ al-Dīn al-Rays (t.t), *al-Nazariyyāt al-Siyāsiyyah al-Islāmiyyah*, al-Qāhirah: Maktabah Dār al-Turāth, h.31.

<sup>14</sup> Terdapat beberapa pandangan yang sering diketengahkan mengenai matlamat kepimpinan politik dan pentadbiran negara menurut Islam yang disebut juga sebagai Maqāṣid Siyāsah Shar‘iyyah ini. Antara yang paling masyhur ialah sebagaimana yang digariskan oleh ‘Abd al-Wahhāb Khallāf iaitu: 1-Merealisasikan pentadbiran negara berpandukan sistem Islam; 2-Membuktikan Islam adalah sistem yang relevan dan adil dalam mentadbir negara; 3-Menjamin seluruh kepentingan dan kemaslahatan rakyat pada setiap masa dan tempat. ‘Abd al-Wahhāb Khallāf (2010), op.cit, h. 7. Lihat juga: Nūr al-Dīn Mukhtār al-Khādimī (2003), *al-Maqāṣid al-Shar‘iyyah: Ta‘rifuhā- Amthalatuhā-Hujjiyyatuhā*, Riyāḍ: Dār Ishbiliya, h. 78- 80 dan ‘Abd al-Salām Muḥammad Sharīf al-‘Alīm (1996), *Nazariyyah al-Siyāsah al-Shar‘iyyah*, Banghāzī: Manshūrāt Jāmi‘ah Qaryūnis, h. 16-17. Abdul Hadi Awang (2009), di dalam bukunya *Bagaimana Islam Memerintah Negara*, Selangor: PTS Islamika, h. 45-62, meletakkan matlamat negara Islam sebagai 1-Matlamat Khalifah, 2-Matlamat Amanah, 3-Matlamat Ibadah.

<sup>15</sup> Abū al-Hasan ‘Alī b. Muḥammad b. Ḥabīb al-Baṣrī al-Māwardī (1994), *al-Ahkām al-Sulṭāniyyahwa al-Wilāyat al-Dīniyyah*, Bayrūt: Dār al-Kitāb al-‘Arabi, h.29.

Pelaksanaan syariat juga tidak dapat lari daripada usaha menyeru kepada makruf dan mencegah kemungkarannya. Allah S.W.T berfirman di dalam al-Quran:

﴿الَّذِينَ إِنْ مَكَنُوهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَإِاتُوا الْزَكَوْةَ

وَأَمْرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ وَلِلَّهِ عَنْقِبَةُ الْأُمُورِ ﴾٤١﴾

(Al-Hajj 22: 41)

Iaitu mereka (*umat Islam*) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahanatan dan perkara yang mungkar...

Justeru itu menjadi tugas utama sebuah kerajaan Islam untuk menyuruh pemimpin dan rakyat agar berbuat makruf melalui pelbagai langkah dan pendekatan yang wajar seperti pendidikan, pengawalan, penguatkuasaan undang-undang dan peruntukan hukuman demi mencapai kesejahteraan di dunia dan kebahagiaan di akhirat. Inilah kekuatan perundungan dan sistem hidup Islam. Peraturannya yang menitik beratkan persoalan halal haram, dosa pahala dan syurga neraka memiliki kekuatan spiritual yang tersendiri, tidak sebagaimana yang ada di dalam sistem pemerintahan yang lain.

Tanpa menjadikan Siyāsah Shar‘iyyah sebagai mekanisme pentadbiran negara, akan terdapat banyak hukum syarak yang tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam.<sup>16</sup> Sedia dimaklumi bahawa dalam sebahagian negara, wanita dihalang daripada mengenakan hijab di tempat-tempat tertentu sedangkan menutup aurat daripada pandangan golongan ajnabi adalah kewajipan yang mesti dilaksanakan oleh golongan wanita. Hal ini sudah tentu akan membawa kepada masalah-masalah akhlak dan moral yang lain di dalam masyarakat hasil daripada pengabaian terhadap pelaksanaan syariat sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah S.W.T. Sedangkan menjadi tanggungjawab pemerintah untuk memastikan syariat didaulatkan di dalam negara dan dipatuhi oleh rakyat bukan hanya melalui kempen kesedaran secara besar-besaran, tetapi juga melalui penguatkuasaan undang-undang melibatkan akhlak dan moral sejajar dengan prinsip asas yang ada dalam agama dan selaras dengan tuntutan syarak.

<sup>16</sup> Muṣṭafā Dīb al-Bughā (2009), *Buḥūth fī Maqāṣid al-Tashrī‘ al-Islāmī*, Dimashq: Dār al-Muṣṭafā, h. 139-140.

Dengan menyediakan ruang-ruang yang subur untuk wanita melaksanakan syariat, sudah tentu agama dan akhlak wanita akan terpelihara. Malah dengan kuasa politik yang ada, wanita akan dipandu untuk melaksanakan syariat dalam semua aspek kehidupan termasuk yang melibatkan aktiviti ekonomi, hubungan sosial dan juga politik. Keadaan ini akan turut memberi kesan kepada kesejahteraan keluarga dan masyarakat di dalam negara kerana hanya dengan melaksanakan syariat Allah sahajalah, sesebuah negara akan dinaungi rahmat dan keberkatan daripada Allah S.W.T. Justeru itu, pelaksanaan syariat merupakan peranan terbesar yang dimainkan oleh Siyāsah Shar‘iyyah untuk memastikan kesejahteraan hidup wanita.

## **2. Melindungi wanita daripada mungkar dan kerosakan**

Pelaksanaan Siyāsah Shar‘iyyah dalam sesebuah negara juga berperanan untuk melindungi wanita daripada terlibat dengan pelbagai bentuk kemungkaran dan kerosakan sama ada dari sudut aqidah, syariah maupun akhlak. Pencegahan mungkar yang dilaksanakan oleh pihak pemerintah meliputi aspek pendidikan, pemantauan, kawalan, penguatkuasaan undang-undang dan peruntukan hukuman demi menyelamatkan wanita daripada kehinaan di dunia dan kesengsaraan di akhirat. Kesemua aspek ini hanya boleh diselaraskan melalui pelaksanaan Siyāsah Shar‘iyyah secara menyeluruh dalam pentadbiran negara.

Sewaktu mengisytiharkan piagam negara Islam pertama di Madinah, Rasulullah S.A.W telah memberi satu peruntukan khas kepada kaum wanita. Fasal 41 Piagam Madinah menyebut:

وَأَنَّهُ لَا يُجَاهِرُ حُرْمَةً إِلَّا بِإِذْنِ أَهْلِهَا

*Tidak boleh dihampiri sebarang kehormatan (wanita)  
melainkan dengan keizinan keluarganya sendiri.<sup>17</sup>*

Bagi memastikan kemungkaran dapat dicegah, kaedah *sadd al-dharā’i* digunakan. Ia membawa maksud menutup pintu kejahatan atau dalam erti kata yang lain ialah mengambil kira kaedah mencegah aktiviti yang tidak bermoral, jenayah dan maksiat sebelum ianya berlaku. Kaedah ini sangat penting dalam menyusun tindakan dan strategi apabila berhadapan dengan perkara yang menggugat kesejahteraan dan keamanan di dalam masyarakat dan Negara.<sup>18</sup> Sebagai contoh, untuk memastikan

<sup>17</sup> Ibrāhīm al-‘Alī (1995), *Ṣaḥīḥ al-Sīrah al-Nabawiyyah*, ‘Ammān: Dār al-Nafā’is, h. 148.

<sup>18</sup> ‘Abdal-‘Āl Aḥmad ‘Uṭwah (2014), *al-Madkhāl ilā al-Siyāsah al-Shar‘iyyah*, al-Qāhirah: Dār al-Salām, h.146.

perzinaan tidak berlaku, hendaklah diwujudkan peraturan yang melarang semua bentuk aktiviti yang boleh membawa kepada perzinaan seperti pergaulan bebas antara lelaki dan wanita, menghapuskan tempat-tempat pelacuran, rumah-rumah urut dan salon-salon uniseks, menguatkuasakan peraturan menutup aurat dan seumpamanya.

Pencegahan mungkar dan kerosakan terhadap wanita juga berlaku dengan menimbulkan kesedaran ke atas golongan lelaki yang menjadi pelindung bagi kaum wanita.<sup>19</sup> Sistem wali yang ditetapkan di dalam Islam juga dapat dilaksanakan secara menyeluruh apabila sesebuah kerajaan Islam memerintah. Di dalam khutbah Haji Perpisahan, Rasulullah S.A.W telah menegaskan aspek perlindungan dan penjagaan kaum wanita khususnya sebagai isteri. Baginda bersabda:

فَاتَّقُوا اللَّهَ فِي الْبَيْتِ إِنَّمَا الْأَحَدُ مُؤْمِنٌ بِإِيمَانِ اللَّهِ وَإِنْسَانٌ لَّمْ يَرَهُ فُرُوجَهُنَّ  
بِكَلِمَةِ اللَّهِ وَلَكُمْ عَلَيْهِنَّ أَنْ لَا يُوْطِقُنَ فُرُشَكُمْ أَحَدًا تَكْرُهُونَهُ، فَإِنْ  
فَعَلْنَ ذَلِكَ فَاضْرِبُوهُنَّ ضَرَبًا غَيْرَ مُبَرِّحٍ وَهُنَّ عَلَيْكُمْ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ  
بِالْمَعْرُوفِ.

*Maka bertakwalah kepada Allah dalam urusan kaum wanita. Sesungguhnya kalian telah mengambil mereka dengan janji Allah dan menghalalkan hubungan jenis bersama mereka dengan kalimah Allah. Menjadi hak kamu ke atas mereka untuk tidak membawa sesiapa yang kamu benci ke tempat pembaringanmu. Dan seandainya mereka ingkar, maka pukullah mereka dengan pukulan yang tidak mencederakan. Manakala hak mereka ke atas kamu pula ialah dengan memberi nafkah makanan dan pakaian kepada mereka dengan cara yang makruf.*<sup>20</sup>

Menjadi kewajipan kepada para suami untuk melindungi isteri-isteri mereka daripada sebarang bentuk pengabaian. Namun apabila wanita itu sendiri engkar, mereka wajar diperbetulkan walaupun melalui sedikit pukulan yang wajib dipelihara daripada kecederaan dan kerosakan fizikal ataupun mental.

<sup>19</sup> Lihat: Nurulbahiah bt. Awang & Nik Salida Suhaila Nik Saleh (2016), “Empowering The Role Of Wali In Strengthening Women’s Right”, dalam Prof. Dr. Badlihisham Mohd Nasir et al (2016), *Wanita Islam Kontemporari: Isu-isu, Cabaran dan Amalan Terbaik*, Shah Alam: Persatuan Ulama’ Malaysia, h. 95-108.

<sup>20</sup> Muslim b. al-Hājjāj al-Qushayrī al-Nīsābūrī (2004), *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Hajj*, no.h. 1218, Bayrūt: Maktabah al-‘Aṣriyyah, h. 444.

### **3. Menjamin kebijakan wanita**

Melalui sistem pemerintahan Islam, kebijakan golongan wanita diberi jaminan yang berterusan sehingga berjaya memperlihatkan bagaimana kedatangan syariat Islam telah membawa sinar kebahagiaan kepada golongan wanita setelah sekian lama dianiaya.<sup>21</sup>

Perkara yang termasuk dalam kebijakan rakyat di dalam negara Islam meliputi aspek yang luas seperti jaminan keselamatan dan keamanan, keperluan hidup, akhlak dan peradaban, urusan beragama, keadilan, pendidikan, kebebasan, kebahagiaan di akhirat dan seumpamanya.<sup>22</sup>

Dalam memberi jaminan keamanan kepada wanita, Rasulullah S.A.W telah memerintahkan agar mengasihi wanita dan tidak membunuh anak perempuan. Baginda bersabda:

إِنَّ اللَّهَ حَرَمَ عَلَيْكُمْ عُقُوقَ الْأُمَّهَاتِ وَمَنْعَةَ وَهَاتِ وَوَادِ الْبَنَاتِ وَكُرِّةِ  
لُكْمُ قِيلَ وَقَالَ وَكَثْرَةَ السُّؤَالِ وَإِضَاعَةَ الْمَالِ.

*Sesungguhnya Allah mengharamkan ke atas kamu menderhakai ibu, melarang perbuatan meminta-minta, membunuh anak-anak perempuan dan Dia membenci kamu banyak bercakap, banyak bertanya dan menghilangkan harta.*<sup>23</sup>

Baginda juga melarang daripada membunuh wanita di dalam peperangan. Imam al-Bukhārī meriwayatkan bahawa seorang wanita ditemui terbunuh di dalam sebuah peperangan yang disertai oleh Rasulullah S.A.W. Lalu baginda pun melarang daripada membunuh wanita dan kanak-kanak, meskipun dalam peperangan.<sup>24</sup>

Baginda juga menitikberatkan kebijakan golongan armalah atau ibu tunggal. Baginda bersabda:

السَّاعِي عَلَى الْأَرْمَلَةِ وَالْمِسْكِينِ كَالْمُجَاهِدِ فِي سَيِّلِ اللَّهِ - وَأَخْسِبُهُ  
فَالَّ - وَكَالْفَائِمِ لَا يَفْتُرُ وَكَالصَّائِمِ لَا يُفْطُرُ.

<sup>21</sup> Muhammad 'Abd al-Qādir Abū Fāris (2000), *Huqūq al-Mar'ah al-Madaniyyah wa al-Siyāsiyyah fī al-Islām*, 'Ammān: Dār al-Furqān, h.6.

<sup>22</sup> Lihat: 'Abd al-Rahmān Tāj (2014), op.cit, h. 91-97.

<sup>23</sup> Al-Ḥāfiẓ Aḥmad b. 'Alī b. Ḥajar al-'Asqalānī (1993), *Fath al-Bārī bi Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī*, *Kitāb al-Adab*, no.h. 5975, j.12, Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 9.

<sup>24</sup> Ibid, *Kitāb al-Jihād wa al-Sayr*, no.h. 3015, j.6, h.257.

*Orang yang berusaha membela golongan armalah dan orang miskin adalah seperti orang yang berjihad di jalan Allah – dan aku merasakan baginda menambah lagi- dan seperti orang yang berqiamullail yang tidak berehat dan seperti orang yang berpuasa yang tidak berbuka.<sup>25</sup>*

Demikianlah dalam sistem pemerintahan Islam, kebajikan golongan yang lemah sentiasa dititik beratkan terutama terhadap golongan wanita. Keperluan golongan ibu yang hamil, menyusukan anak, golongan armalah, wanita yang miskin, sakit, tua dan tidak berwali diberikan perhatian yang wajar oleh pihak kerajaan Islam. Melalui pelaksanaan Siyāsah Shar‘iyyah, pelbagai program kebajikan terhadap golongan tersebut diperkenalkan sesuai mengikut keperluan tempat dan zaman. Keadaan ini sudah tentu memberi jaminan kesejahteraan kepada golongan wanita untuk terus melaksanakan peranan mereka terhadap keluarga, masyarakat dan negara.

#### **4. Meninggikan martabat wanita**

Islam merupakan sebuah agama dan sistem hidup yang mempelopori kejayaan dalam meninggikan martabat kaum wanita. Ketika masyarakat jahiliyah di Tanah Arab dan seluruh dunia sedang menindas dan menafikan kemanusiaan wanita, pengutusan Nabi Muhammad S.A.W pada kurun ke-7M sebagai Nabi dan Rasul akhir zaman membawa cahaya Islam yang menjadi satu titik perubahan dalam membawa kesejahteraan kepada kaum wanita dengan memberikan hak yang sesuai dengan kedudukan dan fitrah mereka. Umar bin al-Khattab r.h. telah menyebut:

وَاللَّهُ إِنْ كُنَّا فِي الْجَاهِلِيَّةِ مَا تَعْدُ لِلنِّسَاءِ أَمْرًا حَتَّىٰ أَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَىٰ فِيهِنَّ  
مَا أَنْزَلَ وَقَسَمَ هُنَّ مَا قَسَمَ ...

*Demi Allah, sesungguhnya kami sewaktu zaman jahiliyyah tidak menganggap wanita memiliki apa-apa kepentingan sehingga Allah menurunkan apa yang Dia turunkan mengenai mereka dan membahagikan kepada mereka apa yang Dia telah bahagikan.<sup>26</sup>*

Melalui pelaksanaan Siyāsah Shar‘iyyah, kedudukan wanita dimartabatkan melalui tiga prinsip utama iaitu prinsip keadilan, persamaan dan kebebasan. Prinsip-prinsip ini juga diterjemahkan sebagai hak-hak

<sup>25</sup> Muslim (2004), op.cit, *Kitāb al-Zuhd wa al-Raqā'iq*, no.h. 2982, h.1114.

<sup>26</sup> Muslim (2004), op.cit, *Kitāb al-Talāq*, no.h. 1479, h. 548.

rakyat di dalam sesebuah kerajaan Islam yang turut dinikmati oleh kaum wanita sebagaimana yang diperuntukkan di dalam syariat Islam.

Allah S.W.T berfirman di dalam al-Quran:

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤْدُوا الْأَمْنَاتِ إِلَى أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ

بَيْنَ النَّاسِ أَن تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ﴾

(Al-Nisā' 4: 58)

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil.

Keadilan merupakan prinsip utama Siyāsah Shar'iyyah bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang hidup aman dan sejahtera. Ia bermaksud meletakkan sesuatu kena pada tempatnya. Malah keadilan juga merupakan intipati kepada seluruh syariat Islam. Kerajaan Islam mestilah menjamin keadilan terlaksana di dalam negara dalam ruang lingkup yang luas. Malah Ibn al-Qayyim telah membahagikan siyāsah kepada dua bahagian iaitu *siyāsah 'ādilah* dan *siyāsah zālimah*.<sup>27</sup> Beliau membayangkan bahawa siyāsah yang syarie ini penuh keadilan manakala siyāsah yang tidak mengikut syarak pasti akan bertindak zalim.

Sejurus selepas Rasulullah S.A.W didatangi oleh Usamah bin Zaid untuk menyampaikan permintaan kaum Quraysh bagi membebaskan seorang wanita Bani Makhzūm daripada hukuman mencuri, Rasulullah S.A.W telah bangun berkhatubah:

أَيُّهَا النَّاسُ ! إِنَّمَا أَهْلَكَ الَّذِينَ قَبْلَكُمْ أَنَّهُمْ كَانُوا إِذَا سَرَقُ فِيهِمْ  
الشَّرِيفُ تَرْكُوهُ، وَإِذَا سَرَقَ فِيهِمُ الضَّعِيفُ أَفَامُوا عَلَيْهِ الْحَدَّ، وَإِذَا اللَّهُ أَنْ  
أَنَّ فَاطِمَةَ بِنْتَ مُحَمَّدٍ سَرَقَتْ لَقْطَعَتْ يَدَهَا .

*Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya telah musnah kaum sebelum kamu lantaran sikap mereka apabila orang yang bangsawan dari kalangan mereka mencuri, mereka membiarkannya. Namun apabila orang yang lemah dari kalangan mereka mencuri, mereka akan menjatuhkan hukuman ke atasnya. Demi Allah! Kalaulah*

<sup>27</sup> Ibn al-Qayyim (2002), op.cit, h.18.

*sekiranya Fatimah binti Muhammad sendiri yang mencuri, nescaya aku akan potong tangannya.<sup>28</sup>*

Ini menunjukkan betapa adilnya Islam dalam memastikan kesejahteraan masyarakat.

Manakala dalam memberikan hak persamaan kepada kaum wanita, Allah S.W.T telah menegaskan bahawa manusia berasal daripada asal usul dan kejadian yang sama. Adapun perbezaan bangsa, budaya, bahasa dan jantina merupakan antara tanda kebesaran Allah S.W.T dan keistimewaan manusiawi dalam mengatur kehidupan. Allah S.W.T telah berfirman:

﴿يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذَكَرٍ وَّأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَّقَبَائِلَ لِتَعَاوَرُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْرَنُكُمْ﴾

(Al-Hujurāt 49: 13)

*Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya).*

Nas al-Quran dan Sunnah telah memberikan perhatian secara khusus terhadap isu-isu wanita. Nas-nas tersebut adalah sangat penting untuk mengubah pandangan masyarakat jahiliah yang sebelum itu menganggap wanita sebagai makhluk yang tidak setaraf dengan lelaki. Justeru itu, kita dapat melihat beberapa contoh ayat al-Quran dan hadis Nabi S.A.W yang menegaskan kedudukan wanita yang diiktiraf bersama dengan golongan lelaki dalam aspek-aspek yang utama.

Islam telah meletakkan wanita setaraf dengan lelaki dari sudut keturunan manusia dan ganjaran amalan mereka sebagaimana yang termaktub di dalam firman Allah S.W.T:

﴿فَاسْتَجَابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ أَنِّي لَا أُضِيعُ عَمَلَ عَنْمِلٍ مِّنْكُمْ مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنثَىٰ بَعْضُكُمْ مِّنْ بَعْضٍ﴾

(Āli ‘Imrān 3:195)

<sup>28</sup>Muslim (2004), op.cit, *Kitāb al-Hudūd*, no.h. 1688, h. 649.

Maka Tuhan mereka memperkenankan doa mereka (dengan firmanNya): "Sesungguhnya Aku tidak akan sia-siakan amalan orang-orang yang beramat dari kalangan kamu, sama ada lelaki atau perempuan, (kerana) setengah kamu (adalah keturunan) dari setengah yang lain.

Pengertian "setengah kamu adalah keturunan setengah yang lain" di dalam ayat tersebut adalah bahawa lelaki dan wanita tidak dapat melepaskan diri daripada satu sama lain kerana lelaki berasal daripada keturunan wanita dan wanita juga berasal dari keturunan lelaki.<sup>29</sup>

Begitu juga yang ditegaskan oleh Rasulullah S.A.W. dalam sebuah hadis baginda:

إِنَّمَا النِّسَاءُ شَقَائِقُ الرِّجَالِ

Sesungguhnya kaum wanita itu adalah saudara kandung kaum lelaki.<sup>30</sup>

Manakala ayat ke-35 dari Surah al-Ahzāb memperincikan lagi bahawa Islam menyamaratakan kaum wanita dengan kaum lelaki dari sudut amalan agama. Firman Allah S.W.T:

﴿ إِنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْقَانِتِينَ وَالْقَانِتَاتِ وَالصَّادِقِينَ وَالصَّادِقَاتِ وَالصَّابِرِينَ وَالصَّابِرَاتِ وَالْخَشِعِينَ وَالْخَشِعَاتِ وَالْمُتَصَدِّقِينَ وَالْمُتَصَدِّقَاتِ وَالصَّمِيمِينَ وَالصَّمِيمَاتِ وَالْحَفِظِينَ فُرُوجُهُمْ وَالْحَفِظَاتِ وَالذَّكِيرَاتِ اللَّهُ كَبِيرًا وَالذَّكِيرَاتِ أَعَدَ اللَّهُ لَهُم مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا ﴾  
(Al-Ahzāb 33: 35)

Sesungguhnya orang-orang lelaki yang Islam serta orang-orang perempuan yang Islam, dan orang-orang

<sup>29</sup> Yusuf al-Qarađāwī (2009), *Agama dan Politik: Wawasan Ideal dan Menyanggah Kekeliruan Pemikiran Sekular – Liberal*, trj. Ibnu Sham, Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise, h. 197.

<sup>30</sup> Abū Dāwūd Sulaymān b. al-Ash'ath al-Sajastānī (t.t), *Sunan Abī Dāwūd, Kitāb al-Tahārah*, no.h. 236, Riyād: Maktabah al-Mā'arif li al-Nashr wa al-Tawzī', h. 41.

*lelaki yang beriman serta orang-orang perempuan yang beriman, dan orang-orang lelaki yang taat serta orang-orang perempuan yang taat, dan orang-orang lelaki yang benar serta orang-orang perempuan yang benar, dan orang-orang lelaki yang sabar serta orang-orang perempuan yang sabar, dan orang-orang lelaki yang merendah diri (kepada Allah) serta orang-orang perempuan yang merendah diri (kepada Allah), dan orang-orang lelaki yang bersedekah serta orang-orang perempuan yang bersedekah, dan orang-orang lelaki yang berpuasa serta orang-orang perempuan yang berpuasa, dan orang-orang lelaki yang memelihara kehormatannya serta orang-orang perempuan yang memelihara kehormatannya, dan orang-orang lelaki yang banyak menyebut nama Allah serta orang-orang perempuan yang banyak menyebut nama Allah, Allah telah menyediakan bagi mereka semuanya keampunan dan pahala yang besar.*

Manakala dalam penglibatan wanita dalam aktiviti sosio-politik juga adalah setaraf dengan lelaki walaupun adab dan pendekatannya mungkin berbeza tetapi asasnya tetap sama sebagaimana firman Allah S.W.T:

﴿وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أُولَئِكَ يَأْمُرُونَ  
بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقْيِمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ  
الزَّكَوةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيِّدُنَّاهُمْ اللَّهُمَّ آللَّهُمَّ﴾

(Al-Tawbah 9: 71)

*Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahanatan dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah.*

Di dalam sistem politik Islam persamaan merupakan antara prinsip yang utama demi merealisasikan keadilan, di mana tidak akan sempurna keadilan di dalam sesebuah kerajaan Islam jika pihak pemerintah tidak mengamalkan konsep persamaan di kalangan rakyatnya, tidak kira Islam mahupun bukan Islam, lelaki mahupun wanita.

Pelaksanaan prinsip persamaan ini mencakupi aspek undang-undang, sosial, pendidikan, politik dan hak asasi.

Di dalam buku *al-Huqūq al-Mi’ah li al-Mar’ah al-Muslimah*, Dr. Munir Muhammad al-Ghaḍbān telah menyenaraikan seratus hak wanita menurut perspektif Islam.<sup>31</sup> Kebanyakan daripada hak tersebut adalah sebagaimana yang diperolehi oleh kaum lelaki. Manakala perbezaan hak yang diberikan oleh Islam antara lelaki dan wanita adalah lantaran perbezaan dari sudut fitrah dan juga beban tanggungjawab yang dikhususkan ke atas mereka. Perbezaan-perbezaan tersebut dianggap sebagai keistimewaan yang saling melengkapi demi menyempurnakan tugas khilafah di atas muka bumi ini sebagai bukti ubudiyah kepada Allah S.W.T.<sup>32</sup>

Satu lagi aspek yang ditekankan oleh Siyāsah Shar‘iyyah ialah memberikan kebebasan kepada individu dan menganggapnya sebagai kehormatan manusia. Kebebasan ini juga memainkan peranan penting dalam meninggikan martabat wanita di dalam negara Islam. Wanita diberikan kebebasan untuk menyatakan pendapat mereka, kebebasan untuk memilih agama bagi yang bukan Islam, kebebasan untuk bekerja, kebebasan untuk memiliki harta, kebebasan untuk melibatkan diri dalam aktiviti sosio-politik dan lain-lain. Kesemua hak kebebasan tersebut diberikan selagi tidak melanggar batas syarak atau mendatangkan kemudaratan awam.

### **5. Membentuk wanita yang amanah dan bertanggungjawab**

Islam membentuk rasa bertanggungjawab di dalam diri umatnya melalui penghayatan terhadap konsep amanah. Dalam sistem pentadbiran negara, melaksanakan amanah merupakan salah satu daripada prinsip Siyāsah Shar‘iyyah yang penting.<sup>33</sup> Ibn Taymiyyah telah menjadikan ayat amanah sebagai pembuka bicara dalam bukunya yang masyhur *al-Siyāsah al-Shar‘iyyah fī Islāḥ al-Rā’iwa al-Ra‘iyyah* yang bermaksud “Siyāsah

---

<sup>31</sup> Beliau telah membahagikan seratus hak tersebut kepada sepuluh bahagian iaitu: 1- Hak memiliki sepuluh sifat sebagaimana firman Allah S.W.T dalam ayat 35, Surah al-Ahzāb. 2- Hak sebagai seorang individu. 3- Hak seksual. 4- Hak sebagai isteri. 5. Hak sosial. 6- Hak politik. 7- Hak ekonomi. 8- Hak untuk mendapat ganjaran pahala. 9- Hak untuk mendapat hukuman. 10- Hak untuk diberikan peluang yang sama. Munir Muhammad al-Ghaḍbān (2011), *al-Huqūq al-Mi’ah li al-Mar’ah al-Muslimah*. al-Qāhirah: Dār al-Salām, h.105-299.

<sup>32</sup> Ibid. h. 33.

<sup>33</sup> Muhammad al-Mubārak (1981), *Niżām al-Islām: al-Hukm wa al-Dawlah*, t.tp: Dār al-Fikr, h. 36.

Shar‘iyyah Dalam Memperbaiki Pemimpin dan Rakyat”.<sup>34</sup> Ia merupakan petanda penting bahawa di dalam melaksanakan sistem politik Islam, kedua-dua golongan pemimpin mahupun rakyat wajib bertanggungjawab untuk melaksanakan amanah yang dipikul dalam skop dan peranan masing-masing.

Sehubungan itu, dalam pemerintahan Islam, golongan wanita sentiasa turut diberikan penekanan terhadap tanggungjawab yang dipikul. Bermula dengan tanggungjawab mereka sebagai seorang hamba Allah, sebagai seorang anak, isteri, ibu, jiran, sahabat dan anggota masyarakat, wanita juga sentiasa diingatkan tentang akauntabiliti di hadapan Allah. Apabila wanita dipandu untuk melaksanakan tanggungjawab dengan penuh amanah, ia akan memberi kesan positif yang langsung terhadap kesejahteraan keluarga dan masyarakat.

Untuk melaksanakan amanah yang ditekankan oleh syariat, wanita diberi peluang yang luas untuk menuntut ilmu dan membentuk kepakaran yang akan melahirkan rasa tanggungjawab untuk membangun masyarakat kerana ruang lingkup peranan wanita yang diciptakan oleh Allah S.W.T bukan hanya terhad di dalam keluarga masing-masing sahaja. Mereka diberi peluang untuk melaksanakan peranan mereka yang sebenar selaku rakyat. Malah mereka turut dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan tugas dakwah, amar makruf dan nahi mungkar serta dibuka ruang yang luas untuk melibatkan diri dalam aktiviti politik seperti untuk menganggotai parti politik, memilih pemimpin, melibatkan diri dalam proses syura, dipilih sebagai pemimpin selain sebagai ketua negara, dan lain-lain.<sup>35</sup>

## RUMUSAN

Kajian ini mengenalpasti lima peranan utama Siyāsah Shar‘iyyah dalam memelihara kesejahteraan wanita. Hasil penelitian yang dijalankan, kesemua peranan tersebut adalah saling berkait rapat antara satu sama lain dan mempunyai pengaruh yang besar dalam memelihara kesejahteraan wanita di dunia dan akhirat. Peranan yang pertama iaitu memandu wanita mematuhi syariat merupakan asas yang paling utama kerana dengan mematuhi syariat, wanita akan dilindungi daripada mungkar dan kerosakan, kebajikan wanita akan terjamin, martabat wanita akan terpelihara dan akan lahirlah wanita yang amanah dalam memikul

<sup>34</sup> Taqiyuddīn b. Ahmad b. Taymiyyah (1988), *al-Siyāsah al-Shar‘iyyah fī Islāh al-Rā‘i wa al-Ra‘iyyah*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 3.

<sup>35</sup> Muḥammad ‘Abd al-Qādir Abū Fāris (2000), op.cit, h. 118.

tanggungjawab. Tanpa dinaungi oleh Siyāsah Shar‘iyyah, wanita akan terdedah kepada pelbagai bentuk ketidak adilan yang akhirnya akan menggugat kesejahteraan mereka dan seterusnya memberi kesan yang negatif kepada keluarga, masyarakat dan negara. Justeru itu, pelbagai inisiatif perlu diambil untuk memastikan agar Siyāsah Shar‘iyyah dapat diimplementasikan secara menyeluruh dalam pentadbiran negara bagi merealisasikan Islam sebagai rahmat kepada seluruh alam.

## BIBLIOGRAFI

Al-Quran.

- ‘Abdal-‘Āl Aḥmad ‘Uṭwah (2014), *al-Madkhal ilā al-Siyāsah al-Shar‘iyyah*, al-Qāhirah: Dār al-Salām.
- ‘Abd al-Raḥmān Tāj (2014), *al-Siyāsah al-Shar‘iyyah wa al-Fiqh al-Islāmi*, al-Qāhirah: Dār al-Salām.
- ‘Abd al-Salām Muḥammad Sharīf al-‘Alīm (1996), *Naẓariyyah al-Siyāsah al-Shar‘iyyah*, Banghāzī: Manshūrāt Jāmi‘ah Qaryūnis.
- ‘Abd al-Wahhāb Khallāf (2010), *al-Siyāsah al-Shar‘iyyah fī al-Shu’ūn al-Dustūriyyah wa al-Khārijīyyah wa al-Māliyyah*, Kuwayt: Dār al-Qalam.
- Abdul Hadi Awang (2009), *Bagaimana Islam Memerintah Negara*, Selangor: PTS Islamika.
- Abū Dāwūd Sulaimān b. al-Ash‘ath al-Sajastāni (t.t), *Sunan Abī Dāwūd*, Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- Abū Fāris, Muḥammad ‘Abdal-Qādir (2000), *Huqūq al-Mar’ah al-Madaniyyah wa al-Siyāsiyyah fī al-Islām*. ‘Ammān: Dār al-Furqān.
- Al-Māwardi, Abū al-Hasan ‘Alī b. Muḥammad b. Ḥabīb al-Baṣrī (1994), *al-Ahkām al-Sultāniyyah wa al-Wilāyat al-Dīniyyah*, Bayrūt: Dār al-Kitāb al-‘Arabi.
- Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, al-Ḥafiz Aḥmad b. ‘Alī (1993), *Fath al-Bārī bi Sharḥ Sahīh al-Bukhārī*, 15 j. Bayrūt: Dār al-Fikr.

Ibn Manzūr (1994), *Lisān al-‘Arab*, 15 j., Bayrūt: Dār al-Fikr.

Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Shamsuddīn Abū ‘Abd Allah Muḥammad b. Abī Bakr (2002), *al-Turuq al-Ḥukmiyyah fī al-Siyāsah al-Shar‘iyyah*, al-Qāhirah: Dār al-Hadīth.

Ibn Taymiyyah, Taqiyuddīn b. Ahmad (1988), *al-Siyāsah al-Shar‘iyyah fī Islāḥ al-Rā‘i wa al-Ra‘iyyah*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ibrāhīm al-‘Alī (1995), *Ṣaḥīḥ al-Ṣīrah al-Nabawiyyah*, ‘Ammān: Dār al-Nafā’is.

*Kamus Besar Arab-Melayu Dewan* (2006), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Kamus Dewan* (2007), ed. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohamad Hashim Kamali (1989), “Siyāsah Shar‘iyyah Or The Policies Of Islamic Government”, *The American Journal of Islamic Social Sciences*, Vol. 6, No. 1, September 1989, h. 59-80.

Mohamad S. El-Awa (1980), *On The Political System Of The Islamic State*, Indiana: American Trust Publication.

Muhammad al-Mubārak (1981), *Niẓām al-Islām: al-Ḥukm wa al-Dawlah*, t.tp: Dār al-Fikr.

Muhammad Ḏiyā’ al-Dīn al-Rays (t.t), *al-Naṣariyyāt al-Siyāsiyyah al-Islāmiyyah*, al-Qāhirah: Maktabah Dār al-Turāth.

Munīr Muhammad al-Ghaḍbān (2011), *al-Ḥuqūq al-Mi’ah li al-Mar’ah al-Muslimah*, al-Qāhirah: Dār al-Salām.

Muslim b. al-Ḥajjāj al-Qushayrī al-Nīsābūrī (2004), *Ṣaḥīḥ Muslim*, Bayrūt: Maktabah al-‘Aṣriyyah.

Muṣṭafā Dīb al-Bughā (2009), *Buhūth fī Maqāṣid al-Tashrī‘ al-Islāmī*, Dimashq: Dār al-Muṣṭafā.

Mustafa Hj. Daud (1994), *Pengantar Politik Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nūr al-Dīn Mukhtār al-Khādimī (2003), *al-Maqāṣid al-Shar‘iyyah: Ta‘rifuhā- Amthalatuhā- Ḥujjiyyatuhā*, Riyāḍ: Dār Ishbiliya.

Nurulbahiah bt. Awang & Nik Salida Suhaila Nik Saleh (2016), “Empowering The Role Of Wali In Strengthening Women’s Right”, dalam Prof. Dr. Badlihisham Mohd Nasir *et al* (2016), *Wanita Islam Kontemporari: Isu-isu, Cabaran dan Amalan Terbaik*, Shah Alam: Persatuan Ulama’ Malaysia, h. 95-108.

Yūsuf al-Qaraḍāwī (1998), *al-Siyāsah al-Shar‘iyyah fī Daw’ Nusūṣ al-Shari‘ah wa Maqāṣidihā*, al-Qāhirah: Maktabah Wahbah.

---

(2009), *Agama dan Politik: Wawasan Ideal dan Menyanggah Kekeliruan Pemikiran Sekular – Liberal*, trj. Ibnu Sham, Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise.